

POTENSI E-PEMBAYARAN SEBAGAI MEDIUM KUTIPAN SUMBANGAN: SATU TINJAUAN DI MASJID LUAR BANDAR

**Fadilah Mat Nor, Junainah Idris, Nur Syaheera Atan
& Aza Shahnaz Azman.**

Faculty of Management & Muamalah, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Fadilah Mat Nor, Faculty of Management & Muamalah, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.
Email: fadilahmn@kuis.edu.my.

ABSTRAK

Kewujudan medium transaksi digital merupakan satu inovasi yang sedang meluas kini. Penggunaan transaksi digital juga telah diperluaskan penggunaannya dalam konteks hal-hal ibadah seperti sadaqah, waqaf dan pembayaran zakat. Objektif kertas kerja ini adalah bagi menganalisa potensi penggunaan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan di masjid-masjid luar bandar. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melakukan kajian tinjauan di 22 buah masjid dalam daerah luar bandar di Selangor. Hasil kajian mendapati masjid luar bandar mempunyai potensi yang besar bagi melaksanakan e-pembayaran dengan beberapa faktor galakan seperti program insentif dari pihak berwajib dan keterlibatan generasi muda sebagai jawatankuasa masjid. Hasil kajian dipercayai boleh membantu pembuat dasar, penyedia kemudahan e-pembayaran dan penyelidik untuk memperkasakan potensi masjid terutama masjid luar bandar dalam penggunaan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan. Akhir sekali, beberapa cadangan dan limitasi kajian dapat dikemukakan bagi kajian di masa akan datang.

Kata Kunci: Potensi, E-Pembayaran, Masjid Luar Bandar

(E-PAYMENTS AS A POTENTIAL FUND-RAISING MEDIUM: A SURVEY IN RURAL MOSQUE)

Abstract

The existence of digital transactions is an innovation that is trending and growing today. The usage of digital transactions in the context of worship, such as payments of sadaqah, waqaf, and zakat, has also grown. The objective of this paper is to analyse the potential of e-payment usage as a medium for fund-raising in rural mosques. The study used a quantitative approach, examining 22 mosques in a rural district in Selangor as a sample. Findings show that rural mosques have a high potential for implementing e-payments by increasing numerous variables, such as incentive programmes from the government and the involvement of the young generation in mosque administration. The study's findings are also expected to assist policymakers, practitioners, and researchers in improving the potential of mosques, particularly rural mosques, as a fund-raising medium. Finally, some limitations and suggestions can be made for future studies.

Key Words: Potential, E-Payments, Rural Mosque

Received: Oct 30, 2023

Accepted: Dec 11, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

1. Pendahuluan

Masjid merupakan sebuah institusi yang mempunyai pengaruh tersendiri dalam membentuk masyarakat umumnya dan ahli kariah khususnya. Peranan dan fungsi masjid juga dilihat telah berkembang dan tidak tertakluk hanya dalam hal ibadah semata-mata. Kebanyakan masjid juga telah mula mengambil bahagian dalam penggunaan teknologi dan pendigitalan sesuai dengan era revolusi industri kini.

Masjid juga tidak boleh terasing atau terpisah dari mengikuti perkembangan teknologi digital semasa termasuk dalam hal-hal pentadbiran dan pengurusan amnya. Penerimaan dan penggunaan teknologi diakui mampu meningkatkan keupayaan dan kecekapan tadbir urus masjid. Malah keupayaan masjid mendigitalkan tadbir urus juga dilihat mampu menaikkan imej masjid serta mengukuhkan peranan masjid sebagai nukleus masyarakat (Abdul Ghafar Don 2019).

Walaupun bagaimanapun, mengupas topik pendigitalan masjid, ianya didapati masih terhad disekitar urusan dokumentasi. Kebanyakan masjid terutamanya di pedalaman masih selesa dengan pengurusan tradisional termasuk dalam hal pengurusan kutipan sumbangan masjid. Walhal menggunakan transaksi digital telah menjadi kebiasaan dalam kebanyakan urusan seharian seperti jual beli atas talian dan melakukan transaksi perbankan internet. Budaya menderma di tabung-tabung masjid adalah perkara biasa dikebanyakan masjid, namun tinjauan mendapati penggunaan transaksi digital dalam memberi sumbangan adalah masih jauh dari kebiasaan.

Membumikan budaya menderma atau memberi sumbangan secara digital di masjid mempunyai cabarannya yang tersendiri (Baharun et. al, 2021). Malah isu ini mungkin berbeza mengikut faktor demografi dan geografi sesebuah masjid dan ahli kariahnya. Laporan terdahulu melaporkan bahawa budaya kutipan sumbangan melalui platform digital telah bermula seawal

November 2016 dengan jenama e-infaq meskipun tidak memfokuskan kepada institusi masjid. Aplikasi ini telah dibina dan dimajukan oleh INFAQ Channel Sdn Bhd sejak dengan objektif utama ingin membantu masyarakat diluar sana membuat amal dengan mudah dan cepat. (Berita Harian, Januari 2017). Hasil kajian awal juga mendapati aplikasi e-dompet telah dilancarkan di masjid-masjid di Kuala Lumpur pada tahun 2019. Program ini adalah usahasama syarikat Touch ‘n Go Sdn Bhd dengan Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI). Program ini telah berjaya membentuk tingkah laku baharu dan mengubah cara sumbangan derma konvensional sebelum ini dengan lebih telus dan lebih efisien (Azam, 2019).

Memandangkan kepentingan pengurusan kutipan sumbangan yang cekap dan terkini adalah amat perlu, kajian berkenaan potensi pelaksanaan e-pembayaran di masjid terutamanya masjid luar bandar adalah relevan untuk diketengahkan. Justifikasi pemilihan masjid luar bandar adalah berikutan tinjauan terdahulu (LR) mendapati masjid di bandar cenderung terkehadapan dalam menggunakan medium e-pembayaran bagi urusan kutipan sumbangan Semenjak diperkenalkan pada tahun 2019 dalam program e-derma, hanya 43 daripada 442 masjid di Selangor yang menawarkan kemudahan memberi infaq dan sumbangan menggunakan e-dompet (Anon, 2022). Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti potensi masjid luar bandar dalam menggunakan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan. Konteks kutipan sumbangan adalah merangkumi semua jenis sumbangan yang meliputi derma, infaq, pemberian atau ihsan berbentuk kewangan yang disalurkan melalui tabung fizikal atau transaksi perbankan.

2. Kajian Literatur

Perbincangan kajian lepas dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu konsep e-pembayaran dan kutipan dana atau sumbangan di masjid.

E-pembayaran

Pembayaran elektronik atau e-pembayaran merupakan istilah umum untuk sistem yang menerima dan mengurus pembayaran dalam talian. Sistem ini melibatkan pemindahan wang atau dana secara elektronik daripada satu akaun ke akaun lain dalam bank yang sama atau bank yang berbeza (Kamus Dewan Bahasa, Edisi ke-4). Contohnya EFTPOS, pembayaran bil melalui mesin ATM, transaksi akaun menggunakan telefon (perbankan telefon) dan melalui laman web bank. Ringkasan sumbangan kajian lepas dapat diterangkan seperti dalam Jadual 1. Kebanyakan kajian lepas mentafsirkan e-pembayaran yang merangkumi ruang lingkup mobiliti tunai dan platform bayaran. Ringkasan ini menetapi definisi digitalisasi dimana melibatkan transisi yang dicirikan oleh teknologi analogue kepada teknologi digital dan inovasi perniagaan yang lebih mudah alih dan fleksibel (Amoroso & Magnier-Watanabe, 2012; Zhou, 2013) bagi pembayaran secara makro dan mikro (Shaikh et al., 2022a).

Jadual 1: Ringkasan Sumbangan Kajian Lepas - Konsep E-pembayaran

Kajian Lepas	Sumbangan definisi e-pembayaran
(Chen, 2008)	<i>Making digital payments using a variety of portable devices</i>
(Au & Kauffman, 2008)	<i>An exchange of financial value</i>
(Gerpott & Kornmeier, 2009)	<i>An e-transaction solution</i>
(Liébana-Cabanillas et al., 2014)	<i>A business activity</i>

(Zhou, 2013)	<i>Anytime, anywhere payment mechanism</i>
(Amoroso & Magnier, 2012)	<i>A mobile wallet</i>
(Dahlberg et al., 2008)	<i>A wireless and other communication technology payment mechanism</i>
(Karjaluo et al., 2021)	<i>Contactless payment system</i>
(Liébana and Lara, 2017)	<i>A star or killer application</i>
(Ondrus & Pigneur, 2007)	<i>Wireless transaction of a monetary value</i>
(Shaikh et al., 2022)	<i>Mobile payments are a convenient way to access value-added services and conduct micro and macro payments.</i>

Sumber: Shaikh et al., 2022

Kesimpulannya, terma e-pembayaran iaitu e-pembayaran merujuk kepada dompet mudah alih (*e-wallet*) dengan fleksibiliti platform pembayaran yang berkaitan dengan digitalisasi tanpa tunai. Sorotan kajian lepas menunjukkan penekanan terma digitalisasi sebagai konsep utama dalam menerangkan e-pembayaran. Hal ini berikutan maksud digitalisasi yang amat dekat dan menyeluruh merangkumi semua terma yang disumbangkan oleh pengkaji terdahulu dalam memaknai maksud e-pembayaran.

Kutipan Dana/ Sumbangan di Masjid

Kajian berkenaan kutipan institusi masjid memerlukan Hal ini berikutan carian topik berkenaan kutipan sumbangan atau pengurusan dana masjid masih kurang terutamanya dalam pangkalan data berindeks tinggi seperti *Scopus* dan *Web of Science*. Carian di pengkalan data menemukan sebanyak 24 artikel dan separuh daripada keseluruhan artikel yang dikumpulkan memberi fokus terhadap isu sumber dana dan pembangunan dana masjid. Kebanyakan artikel menyarankan dan membincangkan sumber selain derma dan tabung kutipan sebagai alternatif yang boleh menjana dana masjid termasuklah pelaburan terhadap waqaf (Hisham, M. F. B., & Muwazir, M. R. (2021) (Hasan, R., Hassan, M. K., & Rashid, M. (2018)., khairat kematian (Ibhraim, M. R., Harun, M. S., & Mahmood, A. R. (2021) dan aktiviti ekonomi sekitar masjid (Omar, A. R. C., Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. (2017).

Disamping pembangunan dana yang perlu diurus tadbir dengan baik menurut tuntutan Maqasid Syariah (Sarif, S. M., Zakariyah, L., & Noor, A. M. (2018). Tren juga diwarnai oleh perbincangan isu pandemik dan masjid sebagai institusi yang menjaga kebajikan muslim ditekankan dalam artikel fokus kajian pembangunan dana (Ikhmal, F. M., Azman, K. K., & Rusdi, O. (2020). Penemuan ini menggambarkan institusi masjid juga cuba melibatkan fungsinya sebagai agen agihan pendapatan seperti yang dituntut situasi semasa negara medepani cabaran pandemic covid-19.

Jadual 2: Pola Penerbitan mengikut Tema Dana/ Sumbangan Masjid

Fokus Kajian	Bilangan
Teknikal Pengurusan Dana Masjid	6 (25.0%)
Sumber & Pembangunan Dana Masjid	12 (50.0%)
Persepsi dan Kredibiliti Pengurusan terhadap Dana Masjid	3 (12.5%)

Teori/ Model Pengurusan Masjid (umum)	3 (12.5%)
Jumlah	24 (100%)

Sumber: Data Sekunder

Selain itu, 6 artikel didapati memfokuskan mengenai teknikal dalam pengurusan dana masjid. Teknikal yang dimaksudkan merangkumi sistem pengurusan yang dibangunkan seperti Al Falah (Abd Razak, S. N. A., Yusoff, R., Wan Mohamad, W. N. B., & Abdul Rahman, S. A. (2019) dan perekodan perakaunan dana masjid (Islamiyah, N. (2019), Md Zain, S. R., Abd Samad, R. N., Samsudin, M. M., & Armia, R. N. (2020), Hamdan, N., Ramli, A. M., Jalil, A., Abd Aziz, M. A., & Haris, A. (2022). Majoriti artikel menyarankan sudah tiba masanya institusi masjid menjadi badan yang lebih professional dalam menguruskan dana yang semakin berkembang termasuklah menggunakan sistem perakaunan yang efisien.

Penemuan juga menunjukkan kajian mengenai persepsi pengurusan masjid terhadap dana masjid masih menjadi pilihan, antaranya kajian oleh Abd Rahman, S. Z., & Mat Radzuan, I. S. (2021), Ibrahim, S. N. S., Bani, H., Mahmud, R., Jaaffar, M. Y., Abdullah, S., & Ibrahim, M. T. (2021). Hal ini menunjukkan kepentingan fokus ini dikekalkan dan kewujudan isu ketirisan dan integriti yang mungkin masih wujud kini. Terdapat kelompokan juga dari sudut pembangunan teori atau model pengurusan yang berkaitan dengan pengurusan masjid. Hal ini dibuktikan dengan dalam tempoh lima tahun ini, hanya 3 artikel dijumpai memberi fokus kepada pembangunan teori atau model pengurusan masjid mahupun khusus kepada pengurusan dana masjid.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif di mana data dikumpulkan menggunakan soal selidik. Tinjauan melalui soal selidik melibatkan 48 masjid di sekitar Daerah Sabak Bernam. Pemilihan Sabak Bernam sebagai lokasi kajian tinjauan adalah kerana Sabak Bernam merupakan satu-satunya daerah yang diwartakan kategori daerah luar bandar dalam negeri Selangor. Kajian telah menggunakan kaedah persampelan kluster bagi menentukan jumlah sampel. Seramai 80 orang responden yang terdiri daripada pengurusan masjid akan mewakili masjid masing-masing. Penentuan sampel kajian adalah ditentukan dengan mengambil 2 orang wakil pengurusan atau jawatankuasa bagi setiap masjid. Data responden diperolehi daripada pihak berwajib iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi memudahkan capaian responden dapat dihubungi. Hal ini bersesuaian dengan pelantikan nazir serta jawatankuasa masjid adalah dibawah bidang kuasa JAIS.

Sementara itu, bagi mengukur potensi penggunaan e-pembayaran di masjid yang dipilih, kajian akan menguji dan mengukur secara deskriptif tahap kesedaran dan kesediaan pengurusan masjid dalam melaksanakan e-pembayaran di masjid mereka. Soalan adalah berdasarkan 5 skala likert dan analisis deskriptif akan dilakukan untuk menganalisa skor min potensi masjid melaksanakan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan.

4. Dapatan dan perbincangan

Dapatan kajian dan perbincangan dibahagikan kepada bahagian iaitu demografi responden dan analisis potensi masjid dalam pelaksanaan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan. Kesemua dapatan kajian akan menggunakan analisis deskriptif iaitu skor min.

4.1 Demografi responden

Perbincangan mengenai demografi responden dimulakan dengan perbentangan taburan responden mengikut jawatan dalam pengurusan masjid. Ringkasan dapatan adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3: Taburan Responden mengikut Jawatan Pengurusan Masjid

Jawatan dalam Pengurusan Masjid	Kekerapan	Peratusan (%)
Nazir	25	31.3
Timbalan Nazir	19	23.8
Bendahari	13	16.3
Timbalan Bendahari	4	5.0
Setiausaha	7	8.8
Penolong Setiausaha	2	2.5
AJK	10	12.5
Jumlah	80	100

Sumber: Kajian Tinjauan, September 2023


Jadual 3 menunjukkan kekerapan paling tinggi yang menjawab soalan tinjauan adalah terdiri daripada mereka yang memegang jawatan Nazir iaitu seramai 25 orang (31.3%). Diikuti dengan mereka yang memegang jawatan kedua tertinggi iaitu Timbalan Nazir seramai 19 orang (23.8%), bendahari seramai 13 orang (16.3%). Taburan responden juga meliputi mereka yang memegang jawatan sebagai ahli jawatan kuasa yang mempunyai maklumat berkaitan kewangan atau dana masjid iaitu seramai 10 orang (12.5%).

Seterusnya taburan responden dibentangkan mengikut umur seperti yang dapat diwakili oleh Jadual 4 dan Rajah 1 dibawah:

Jadual 4: Taburan responden mengikut Umur


Kumpulan Umur	Kekerapan
21-30 tahun	3
31-40 tahun	6
41-50 tahun	16
51-60 tahun	28
61 tahun ke atas	27
Jumlah	80

Sumber: Kajian Tinjauan, September 2023



Rajah 1: Peratusan Taburan Responden mengikut Umur

Rajah 1 dan Jadual 4 masing menunjukkan taburan responden mengikut umur. Dapatan jelas menjelaskan majoriti iaitu 68.8% pengurusan masjid terdiri daripada mereka yang berumur 51 tahun keatas. Dengan jumlah mereka yang berumur 51 hingga 60 tahun adalah seramai 28 orang (35%) dan 61 tahun ke atas seramai 27 orang (33.8%). Dapatan juga memberi signal bahawa kebanyakan pengurusan tertinggi dipelopori oleh golongan berumur. Penglibatan generasi belia iaitu mereka dikalangan umur 40 tahun ke bawah adalah agak rendah dengan hanya 9 orang (3.8% dan 7.5%). Manakala mereka yang berumur pertengahan belia adalah sederhana ramai 16 orang (20%).



Rajah 2: Taburan responden mengikut Tahap Pendidikan

Sementara Rajah 2 pula menerangkan taburan responden mengikut tahap pendidikan. Dapatan mendapati kebanyakan responden mempunyai ijazah pertama iaitu seramai 26 orang (32.5%) dan diikuti dengan SPM/ MCE/ SPMV seramai 21 orang (26.3%). Hasil tinjauan mendapati masih terdapat pengurusan masjid yang mempunyai yang rendah tetapi tidak ramai iaitu

masing-masing 1.3% bagi tahap pendidikan UPSR dan tiada pendidikan formal. Tahap pendidikan pengurusan masjid di lokasi kajian boleh dikatakan mempunyai pendidikan yang minimum.

Dari sudut pengalaman memegang jawatan pula menunjukkan seramai 21 orang responden telah memegang jawatan lebih dari 10 tahun. Namun bilangan mereka yang baru memegang kurang setahun juga adalah tinggi iaitu seramai 27 orang (33.8%) Dapatan kajian juga menunjukkan lebih separuh daripada lokasi masjid tidak atau belum mempunyai perkhidmatan e-pembayaran dimasjid adalah seramai 61 orang (76.3%). Manakala selebihnya iaitu seramai 19 orang responden (19%) menyatakan telah mempunyai perkhidmatan e-pembayaran di masjid. Ringkasan dapatan diterangkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Pengalaman Pengurusan Masjid terhadap Pelaksanaan E-pembayaran di Masjid

Adakah terdapat perkhidmatan e-pembayaran di masjid anda?	Kekerapan	Peratusan (%)
Tidak	61	76.3
Ya	19	23.8
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian Tinjaun, September 2023

4.2 Analisis potensi masjid dalam pelaksanaan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan

Responden juga turut diselidik dari sudut kesediaan mereka untuk meneruskan atau tidak (sekiranya belum) pelaksanaan e-pembayaran di masa akan datang. Tujuan soalan ini ditanya adalah bagi mendapat gambaran keterbukaan dan kesediaan mereka untuk mengekalkan (bagi yang telah ada) atau tidak bagi melaksanakan e-pembayaran dimasa akan datang.

Jadual 6: Kesediaan di Masa Akan Datang

Adakah anda bersedia untuk melaksanakan perkhidmatan e-pembayaran di masjid anda di masa akan datang?	Kekerapan	Peratusan
Ya	65	81.3
Tidak	7	8.8
Tidak pasti	8	9.9
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian Tinjaun, September 2023

Jadual 6 menunjukkan 65 responden (81.3%) menyatakan bersetuju dan bersedia melaksanakan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan. Ketersediaan ini boleh digunakan sebagai maklum balas terhadap potensi yang tinggi bagi masjid di luar bandar bagi meneroka seterusnya menggunakan e-pembayaran dalam kutipan sumbangan. Jumlah ini

termasuk mereka yang bersedia dengan syarat mendapat pendedahan berkaitan aplikasi, aspek keselamatan siber, informasi dan latihan. Selain itu, terdapat responden yang bersedia dengan syarat pelaksanaan dibantu oleh golongan muda sebagai jawatankuasa masjid, disamping memberi ilmu literasi teknologi kepada kumpulan umur 51 keatas. Sementara hanya kurang 10% masing-masing responden menyatakan tidak dan tidak pasti kerana merasakan masjid luar bandar lebih selesa menggunakan kaedah tradisional disamping berpendapat medium ini tidak menasarkannya ahli kariah sebaliknya hanya sesuai bagi menerima sumbangan dari ahli bukan kariah.

Jadual 7: Tahap Kesedaran Pengurusan Masjid Terhadap Pelaksanaan E-Pembayaran

Kenyataan Soalan	Skor Min	Sisihan Piawai
Pengurusan masjid tahu bahawa kutipan sumbangan boleh dilaksanakan melalui e-pembayaran.	4.15	.929
Masjid perlu mempunyai kemudahan perbankan internet untuk melaksanakan e-pembayaran.	3.98	1.201
Pengurusan masjid maklum e-pembayaran ini memberi manfaat kepada masjid.	4.11	.941
E-pembayaran adalah tren terkini dalam kutipan sumbangan termasuk di institusi masjid.	4.05	.794
E-pembayaran akan membantu meningkatkan kutipan sumbangan di masjid.	4.00	1.043
Jumlah	4.01	0.81

Sumber: Kajian Tinjaun, September 2023

Berdasarkan keputusan statistik deskriptif dalam Jadual 7, dapatan kajian membuktikan kesemua kenyataan soalan bagi mengukur tahap kesedaran pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran adalah berada di tahap tinggi iaitu melebihi skor min 4.0 kecuali kenyataan kedua hanya dengan skor min 3.98. Skor min yang paling tinggi menunjukkan responden sedia maklum e-pembayaran dapat dilaksanakan melalui e-pembayaran dengan skor min sebanyak 4.15. Manakala skor min bagi keberkesanan e-pembayaran dalam membantu meningkatkan jumlah kutipan masjid adalah paling rendah iaitu hanya 4.09. Skor min keseluruhan bagi tahap kesedaran pengurusan masjid adalah tinggi iaitu 4.01.

Jadual 8: Tahap Kesediaan Pengurusan Masjid Terhadap Pelaksanaan E-Pembayaran

Kenyataan Soalan	Skor Min	Sisihan Piawai
Pengurusan masjid bersedia untuk menyokong pelaksanaan kutipan sumbangan melalui e-pembayaran.	3.86	1.052
Pengurusan masjid bersedia untuk menerima informasi mengenai pelaksanaan kutipan sumbangan melalui e-pembayaran.	4.04	.863
Pengurusan masjid bersedia untuk lebih proaktif dalam mempromosi kutipan sumbangan melalui e-pembayaran.	4.05	1.018
Pengurusan masjid bersedia untuk menghadapi cabaran kutipan sumbangan melalui e-pembayaran.	3.92	1.065

Pengurusan masjid bersedia untuk patuh terhadap etika berkaitan kutipan sumbangan melalui e-pembayaran.	4.07	.978
Jumlah	4.00	0.89

Sumber: Kajian Tinjauan, September 2023

Sementara bagi tahap kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran dapat dibentangkan dalam Jadual 8. Berdasarkan dapatan, skor min keseluruhan bagi tahap kesediaan adalah tinggi iaitu sebanyak 4.00. Tahap kesediaan pengurusan masjid dalam pematuhan etika berkaitan e-pembayaran mencatatkan skor min paling tinggi iaitu sebanyak 4.05, diikuti kesediaan untuk mempromosi 4.05 dan kesediaan menerima informasi 4.04. Sementara itu, kesediaan pengurusan masjid terhadap cabaran dan sokongan pelaksanaan e-pembayaran didapati mempunyai skor min sederhana iaitu masing 3.92 dan 3.86. Walaubagaimana pun nilai kedua-dua skor min ini menghampri 4.0 iaitu menghampiri tahap tinggi.

Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan majoriti pimpinan pengurusan masjid adalah terdiri daripada kaum lelaki. Dapatan juga membuktikan pengurusan bagi masjid luar bandar mempunyai tahap pendidikan yang pelbagai dengan majoriti kumpulan umur adalah mereka yang berumur 51 tahun dan keatas. Tahap kesedaran dan kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran sebagai medium kutipan didapati adalah tinggi. Penemuan ini disokong oleh Vinitha & Vasantha, (2017) mengesyorkan bahawa kesedaran pengguna, kemudahan, keselamatan, ketersediaan alat e-pembayaran, dan insentif adalah elemen yang boleh menggalakkan penggunaan sistem e-pembayaran. Dapatan ini menunjukkan masjid luar bandar mempunyai potensi yang tinggi dalam melaksanakan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan masjid jika tahap kesedaran telah tinggi.

Walaubagaimanapun, potensi ini bergantung kepada beberapa faktor yang dikenalpasti melalui maklum balas kesediaan melaksanakan e-pembayaran di masa akan datang. Terdapat pengurusan masjid yang bersetuju atau bersedia melaksanakan e-pembayaran sebagai medium kutipan sekiranya mendapat pendedahan daripada pihak berwajib atau penyedia aplikasi. Selain terdapat cadangan perlunya penglibatan generasi muda (Kumpulan umur kurang 40 tahun) sebagai pengurusan masjid. Penglibatan generasi belia yang lebih agresif dan proaktif dilihat mampu melonjakkan penggunaan teknologi dalam pengurusan masjid yang lebih cekap. Cadangan ini juga disokong oleh kajian Amin et al., (2022) telah membincangkan persepsi di kalangan Generasi Z terhadap aplikasi e-pembayaran dalam konteks Infaq, sadaqah, dan zakat yang diuruskan oleh masjid.

Justeru, kertas kerja ini juga mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang boleh diterbitkan daripada penemuan ini. Antaranya kajian hubungan atau pengaruh factor demografi dan geografi terhadap kesediaan pelaksanaan e-pembayaran dikalangan masjid. Penting juga untuk melihat sejauhmana perbezaan penerimaan dan persepsi medium ini mengikut bandar dan luar bandar. Hal ini adalah penting bagi menyusun strategi seterusnya menyasarkan kecekapan institusi masjid dalam arus kemodenan digitalisasi.

5. Penutup

Objektif kertas kerja ini adalah bagi mengenalpasti potensi penggunaan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan di masjid luar bandar. Kesimpulan dapatan menunjukkan masjid

di luar bandar mempunyai potensi untuk melaksanakan pembaharuan dari sudut kutipan sumbangan. Dapatan menunjukkan kesedaran dan kesediaan pengurusan masjid dalam melaksanakan e-pembayaran di masjid mereka adalah tinggi dengan beberapa syarat. Majoriti pengurusan masjid sangat bersetuju e-pembayaran adalah medium terkini dalam kutipan sumbangan. Namun pelaksanaannya di masjid luar bandar perlu disokong oleh pendedahan terhadap teknologi oleh pihak berwajib dan perlunya generasi muda dalam pengurusan masjid sebagai factor penggalak.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian penemuan dalam geran kajian yang dibiaya oleh Geran Penyelidikan Sekunder Universiti Islam Selangor 2022 (2022/P/GPIK/GPS-05/014).

RUJUKAN

Tafsir Al-Quran

Alzahrin Alias, Januari 31, 2017. Berita Harian: [Aplikasi E-Infaq khusus untuk menderma \(bharian.com.my\)](http://bharian.com.my)

Abdul Ghafar Don. 2019. Rahmah Lil 'Alamin : Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia.

Abd Rahim, H., Bhari, A., & Yaakob, M. A. Z. (2021). Analysis about Management of Sadaqah Fund at Mosques in Shah Alam. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 217-231.

Abd Rahman, S. Z., & Mat Radzuan, I. S. (2021). Penyediaan Fasiliti dan Tahap Kepuasan Pengguna di Klinik Waqaf An-Nur Masjid Al-Makmur, Taman Bukit Tiram, Ulu Tiram, Johor. *Research in Management of Technology and Business*, 2(2), 766–781. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/3636>

Abd Razak, S. N. A., Yusoff, R., Wan Mohamad, W. N. B., & Abdul Rahman, S. A. (2019). Al-Falah: sistem pengurusan rekod masjid.

Ahmad, R., Arsad, S., Said, R., Hassan, A., & Shahabuddin, S. Development Of Framework For Good Governance Index For Mosques In Kedah. *Development*, 7(19), 2020

As-Salafiyah, A., Rusydiana, A. S., & Mustafa, M. I. (2021). Meta Analysis on Mosque Economics. *Library Philosophy and Practice*, 0_1-14.

Anon. (2022, June 20). *Share Your Kindness Through Your E Wallet*. Retrieved from Touch 'n Go E Wallet: <https://www.tngdigital.com.my/donation>

Azam. (2019, Januari 23). *Derma Secara Tanpa Tunai di Masjid dengan ewallet Touch 'n Go*. Retrieved from Teknologi: <https://www.thevocket.com/derma-secara-tanpa-tunai-di-masjid-dengan-ewallet-touch-n-go/>

Baharun, M. T., & Mohd Balwi, M. A. W. F. (2021). Potensi Dan Cabaran Perniagaan E-Dagang Pasca Covid-19: Suatu Cadangan Penyelesaian. *Online Journal of Islamic Management and Finance (OJIMF)*, 1(1), 1–12. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/OJIMF/article/view/29696>

Hamdan, N., Ramli, A. M., Jalil, A., Abd Aziz, M. A., & Haris, A. (2022). Risiko Shariah dalam Penggunaan Kaedah Perakaunan Berasaskan Keuntungan untuk Pelaporan Kewangan Masjid.

- Hamid, S. A., Rahman, M. N. A., Ismail, S., & Ishak, M. S. (2019). Transformasi Pengurusan Pembangunan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Masjid-Masjid Terbaik. In 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (pp. 183-196).
- Hasan, R., Hassan, M. K., & Rashid, M. (2018). Cash waqf investment and Poverty Alleviation: Case of Tabung Masjids in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 4(2), 333-346.
- Hertzfel, D.H. (2003), "Bibliometrics history" dalam Drake, Miriam A. (ed) *Encyclopedia of Library and Information Science*, 1, New York : Marcel Dekker, 2003, h. 288-328.
- Hisham, M. F. B., & Muwazir, M. R. (2021). Analisis Amalan Pelaporan Dan Pendedahan Maklumat Wakaf Di Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 15, 75-89. Retrieved from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/3482>
- Hussin, S. N. A., Nik-Wan, N. Z., Abdullah, A., Aziz, A., & Saidi, N. (2022). An Exploratory Study of Waqf Accounting and Reporting Practices Among Mosques in Kelantan. *Jurnal Pengajian Islam*, 125-139.
- Ibhrain, M. R., Harun, M. S., & Mahmood, A. R. (2021). Pengurusan Dana Khairat Masjid daripada Perspektif Perlembagaan, Undang-Undang, Sains Sosial dan Syarak: Management of the Mosque's Khairat Fund from Constitution, Legal, Social Science and Syarak Perspective. *Journal of Muwafaqat*, 4(2), 51-61.
- Ibrahim, S. N. S., Bani, H., Mahmud, R., Jaaffar, M. Y., Abdullah, S., & Ibrahim, M. T. (2021). Good Governance Practiced By The Malaysian Mosque Committees In Managing Mutual Benevolence: Member's Perception. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 50-62.
- Ikhmal, F. M., Azman, K. K., & Rusdi, O. (2020). The Effectiveness Of E-Mosque Application Management During Covid-19 Pandemic: An Analysis Of Masjid Abdullah Fahim. *International Journal of Management(IJM)*, 11(7), 1052-1060.
- Islamiyah, N. (2019). The financial management practice of mosque: study case in Malaysia. *Jurnal Akuntansi Dan Keuangan Indonesia*, 16(1), 6.
- Ismail, N. A., & Yusoff, M. H. S. M. (2020). Persepsi Masyarakat Terhadap Peranan Masjid Menguruskan Dana Sedekah. *International Journal of Social Science Research*, 2(3), 1-11
- MD ZAIN, S. R., Abd Samad, R. N., Samsudin, M. M., & Armia, R. N. (2020). The Dynamics of Accounting Practices and Accountability in the Selected Mosques in Federal Territory. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 42.
- Mokhtar, M. S. M., & Ahmad, F. A. (2020). The Management System Of The Mosque In Malaysia: A Narrative Review. *Journal of Islamic*, 5(29), 71-79
- Omar, A. R. C., Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. (2017, December). Strategic Orientation and Mosques Economic Activities. In *International Business Management Conference (IBMC 2017)* (Vol. 3, p. 213).
- Ramli, A. M., Jalil, A., Hamdan, N., Haris, A., & Aziz, M. A. A. (2020). Keperluan Fatwa Pelaburan Dana Masjid Bagi Kelestarian Fungsi Serta Peranan Masjid: Satu Analisa
- Saad, R. A. J., Abidin, S., Ghazali, M. Z., Khalid, A. Z., & Rahim, M. S. (2019). Analisis Bibliometrik Bagi Kajian Perakaunan Masjid. *International Journal*, 2(8), 188-199.
- Sarif, S. M., Zakariyah, L., & Noor, A. M. Financial Reporting in Tabung Masjid Management Driven by in Malaysia1. *Islamic Quarterly*, 62(1-103).
- Yasoa, M. R., Ghazali, M. S., Alwi, M., Ab Rahman, A. H., Abdullah, S. S., Abdullah, A. R., ... & Yaacob, M. R. (2019). Pengurusan Sumber Dana Masjid Di Kelantan.

- Zakaria, W. Z. W., Ilias, N., Wahab, N., Zanani, W., & Abdullah, Z. W. (2020). A preliminary study on financial management practices among Kuala Nerus mosques. *International Journal of Islamic Business*, 5(2), 35-47
- Zakariyah, L., Sarif, S. B. M., Osman, R. B. A., Abd Rahman, S., & Noor, A. B. M. (2017). Investing Muslim Public Funds for Fulfilling Maqāsid al-Shariaah: A Case Study of Tabung Masjid in Malaysia (Melabur Dana Awam Islam untuk Memenuhi Maqāsid al-Shariaah: Kajian Kes Tabung Masjid di Malaysia). *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 14(2), 283-304.
- Garis Panduan Penyelarasan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Seluruh Malaysia JAKIM, (2021)